

Headline	Umat Islam disaran tingkat kepakaran urus jenazah berisiko tinggi		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	22 Nov 2011	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	29,826
Page No	7	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	121 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 249
Frequency	Daily	PR Value	RM 747



Umat Islam disaran tingkat kepakaran urus jenazah berisiko tinggi

PAPAR: Umat Islam khususnya imam, kariah dan individu yang terlibat dalam menguruskan jenazah perlu meningkatkan lagi kepakaran mereka terutamanya dalam menguruskan jenazah yang berisiko tinggi.

Adun Pantai Manis, Datuk Abd Rahim Ismail berkata, jenazah berisiko tinggi merujuk kepada jenazah yang dijangkiti AIDS serta pembawa virus HIV.

"Virus HIV tidak akan mati biarpun pembawa atau pengidap AIDS tersebut sudah meninggal dunia dan individu yang bertanggungjawab menguruskan jenazah harus ada kepakaran dan pengetahuan tentang itu bagi menghilangkan kebimbangan terdedah kepada jangkitan penyakit itu.

"Oleh itu, mereka yang terlibat harus mempelajari cara dan ciri-ciri keselamatan serta pengetahuan tentang cara tersebut melalui Pejabat Kesihatan yang ada di setiap daerah di negeri ini," katanya selepas merasmikan Kursus Pegurusan Jenazah Berisiko Tinggi Peringkat Daerah Papar, anjuran Unit HIV/STI (Penyakit Kelamin Berjangkit) Pejabat Kesihatan Daerah, di Rumah Rehat, di sini, Ahad lepas.

Hadir sama wakil Pengarah Kesihatan Sabah, Dr Asit Sana, Penolong Pegawai Daerah, Adnan Atin dan Ketua Unit HIV/STI Pejabat Kesihatan Daerah, Wan Azizan Wan Alli.

Menurut Rahim, program tersebut harus kerap diadakan bagi memberi pengetahuan kepada imam ataupun kariah tentang penyakit berbahaya dan berjangkit.

Rahim yang juga Pengerusi Risda Holdings, berkata bagi masyarakat di Barat, perintah mahkamah akan dipohon untuk membakar mayat yang berisiko tinggi bagi membunuh virus pembawa kepada HIV dan AIDS.

"Tetapi di negara ini sebagai orang Islam tidak dibolehkan membakar jenazah saudara seagama biarpun jenazah itu berisiko tinggi dan ianya perlu diuruskan mengikut kaedah hukum syarak selain ketetapan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Justeru itu mereka yang menguruskan jenazah seperti ini harus mengikut pengetahuan serta cara yang betul sebagaimana diajar pegawai kesihatan di dalam kursus ini dan tidak lari dari landasan yang ditetapkan dalam agama Islam," katanya.

Sementara itu, Wan Azizan berkata, objektif kursus itu adalah bagi memberi pengetahuan tentang pengurusan jenazah berisiko tinggi kepada masyarakat dan menerangkan peranan Pejabat Kesihatan dalam pengurusan jenazah berkenaan.

"Kursus ini juga bertujuan memberi input-input tentang polisi dan pekeliling tentang penyakit AIDS, STI dan penyakit berjangkit selain turut membincangkan isu berkaitan pelaksanaan program pengendalian maklumat penyakit berisiko tinggi kepada masyarakat yang terlibat dalam kursus ini," katanya.

Seramai 100 peserta terdiri daripada imam, kariah, polis, kelab belia dan badan-badan kerajaan telah mengikuti kursus yang julung kali diadakan di daerah itu.